



**PENGETAHUAN KOLONIAL SEBAGAI PSEUDO-ILMU: KRITIKAN
EPISTEMOLOGI PASCAKOLONIAL DI TANAH MELAYU**

***COLONIAL KNOWLEDGE AS PSEUDO-KNOWLEDGE: A
POSTCOLONIAL EPISTEMOLOGICAL
CRITIQUE IN THE MALAY WORLD***

Ahmad Farid Abd Jalal^{a*}, Awang Azman Awang Pawi^b, Rahimin Affandi Abd Rahim^c

^a Perbadanan Muzium Negeri Pahang, Jalan Sultan Ahmad, Kampung Pancur, 26600 Pekan, Pahang, Malaysia
(E-mail: farid.muziumpahang@gmail.com)

^b Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya 50603 Universiti Malaya, Kuala Lumpur
(E-mail: awangazman@um.edu.my)

^c Perbadanan Muzium Negeri Pahang, Jalan Sultan Ahmad, Kampung Pancur, 26600 Pekan, Pahang, Malaysia
(E-mail: faqirilarabbih@um.edu.my)

**Corresponding Author*

Article history

Received date : 2-2-2026
Revised date : 10-2-2026
Accepted date : 5-3-2026
Published date : 12-3-2026

To cite this document:

Jalal, A.F.A., Pawi, A.A.A & Rahim, R.A.A (2026).
Pengetahuan kolonial sebagai pseudo-ilmu: Kritikan
epistemologi pascakolonial di Tanah Melayu. *Islamic
Journal Of Cultural Studies (IJCS)*, 2(1), 74-94.

Abstrak: Artikel ini menilai status epistemologi pengetahuan kolonial tentang masyarakat Melayu di Tanah Melayu dengan menumpukan kepada representasi fizikal, budaya, dan psikologi dalam rekod kolonial serta pengaruhnya terhadap historiografi dan institusi memori. Kajian menggunakan analisis literatur kualitatif berteraskan perspektif pascakolonial dan epistemologi Islam bagi menilai sifat diskursif pengetahuan kolonial dan konstruk psikologi yang diinstitusikan dalam tradisi akademik moden. Dapatan menunjukkan bahawa pengetahuan kolonial terbentuk dalam kerangka kuasa penjajahan dan tidak bersifat neutral sepenuhnya, sebaliknya mengandungi klasifikasi etnografi dan stereotaip budaya yang reduksionis. Dominasi rekod kolonial dalam historiografi Malaysia berkait dengan struktur arkib kolonial yang sistematik, autoriti epistemik Barat, dan keterbatasan akses kepada sumber watan seperti manuskrip Melayu dan teks hukum tradisional. Walau bagaimanapun, perspektif pascakolonial Islam tidak menolak secara mutlak karya sarjana kolonial, sebaliknya menekankan tapisan epistemologi yang kritis, kontekstual, dan selektif. Kajian ini merumuskan bahawa rekod kolonial masih bernilai sebagai data empirikal sejarah, tetapi tidak boleh dianggap sebagai autoriti epistemik mutlak. Oleh itu, dekolonisasi ilmu sejarah Tanah Melayu perlu dilaksanakan secara seimbang melalui integrasi sumber kolonial dan sumber tempatan bagi membina historiografi yang lebih adil, kontekstual, dan selaras dengan epistemologi watan serta tradisi keilmuan Islam.

Kata kunci: Kolonial; Historiografi; Dekolonisasi ilmu

Abstract: *This article evaluates the epistemological status of colonial knowledge on Malay society in Malaya by examining colonial representations of physical, cultural, and psychological characteristics and their influence on historiography and memory institutions. The study employs qualitative literature analysis grounded in postcolonial and Islamic epistemological perspectives to assess the discursive nature of colonial knowledge and its institutionalization in modern scholarship. The findings indicate that colonial knowledge was produced within colonial power structures and was not entirely neutral, as it incorporated ethnographic classifications and reductionist cultural and psychological stereotypes. The dominance of colonial records in Malaysian historiography is linked to systematic colonial archives, Western epistemic authority, and limited accessibility to indigenous sources such as Malay manuscripts and traditional legal texts. However, an Islamic postcolonial perspective does not advocate the total rejection of colonial scholarship but promotes selective and critical epistemological filtering. The study concludes that colonial records may be used as empirical historical data through contextual interpretation, yet they should not be treated as absolute epistemic authority. A balanced decolonization of knowledge is therefore necessary through the integration of colonial and indigenous sources to produce a more just, contextualized, and epistemologically grounded historiography aligned with local and Islamic intellectual traditions.*

Keywords: *Colonial; Historiography; Decolonization*

PENGENALAN

Penghasilan pengetahuan kolonial tentang Tanah Melayu merupakan sebahagian daripada projek intelektual penjajahan yang bukan sekadar bertujuan memahami masyarakat tempatan, tetapi juga menyusun dan mentafsir realiti sosial mengikut kerangka epistemologi Barat. Sejak abad ke-19, pentadbir dan sarjana kolonial British menghasilkan pelbagai laporan etnografi, rekod pentadbiran, dan penulisan sejarah yang menggambarkan latar belakang fizikal, budaya, dan psikologi masyarakat Melayu secara sistematik (Milner, 2008; Andaya & Andaya, 2017). Dokumentasi ini kemudiannya menjadi asas utama dalam pembentukan naratif sejarah moden mengenai Tanah Melayu.

Walau bagaimanapun, pengetahuan kolonial tersebut tidak lahir dalam ruang akademik yang neutral, sebaliknya terbentuk dalam konteks struktur kuasa kolonial yang memerlukan legitimasi intelektual terhadap dominasi politik dan ekonomi. Said (1978) menjelaskan bahawa orientalisme berfungsi sebagai sistem pengetahuan yang membina gambaran stereotaip terhadap masyarakat Timur melalui kerangka diskursif yang menekankan perbezaan budaya dan rasionaliti. Dalam konteks Tanah Melayu, gambaran masyarakat Melayu sebagai statik, tradisional, dan bermentaliti feodal sering diulang dalam literatur kolonial sehingga membentuk konstruk psikologi yang dianggap sebagai “ciri semula jadi” masyarakat tempatan (Alatas, 1977; Milner, 2008).

Masalah epistemologi menjadi lebih signifikan apabila rekod kolonial terus dijadikan sumber autoritatif dalam historiografi Malaysia pascakemerdekaan. Tradisi akademik moden yang menekankan penggunaan sumber bertulis dan arkib rasmi telah memperkukuh kedudukan dokumentasi kolonial sebagai rujukan utama dalam kajian sejarah Tanah Melayu (Andaya & Andaya, 2017). Keadaan ini bukan sahaja mempengaruhi penulisan sejarah akademik, tetapi turut membentuk kurikulum pendidikan, penerbitan ilmiah, serta naratif institusi memori seperti arkib dan muzium yang menggunakan rekod kolonial sebagai asas interpretasi sejarah (Bennett, 1995; Hooper-Greenhill, 2000).

Dari sudut epistemologi, situasi ini menimbulkan persoalan kritikal tentang status ilmiah pengetahuan kolonial itu sendiri. Foucault (1980) melalui konsep power/knowledge menegaskan bahawa pengetahuan tidak terpisah daripada struktur kuasa yang menghasilkannya. Dalam konteks penjajahan, penghasilan pengetahuan tentang masyarakat

tempatan sering berkait rapat dengan keperluan pentadbiran kolonial untuk mengklasifikasi penduduk, mengawal sosial, dan mentadbir wilayah jajahan. Oleh itu, gambaran tentang latar belakang fizikal dan psikologi masyarakat Melayu dalam rekod kolonial perlu difahami sebagai konstruk diskursif yang berfungsi dalam kerangka kuasa kolonial.

Syed Hussein Alatas (1977) secara khusus mengkritik asas epistemologi pengetahuan kolonial melalui konsep *myth of the lazy native* yang menunjukkan bahawa stereotaip psikologi masyarakat tempatan bukanlah hasil penyelidikan saintifik yang objektif, tetapi konstruk ideologikal yang menyokong kepentingan ekonomi kolonial. Hujah ini memperlihatkan bahawa pengetahuan kolonial bersifat selektif, reduksionis, dan utilitarian, serta tidak memenuhi ciri ilmu yang holistik kerana mengabaikan struktur sejarah, budaya, dan tradisi intelektual tempatan.

Selain itu, kebergantungan berterusan penyelidik Malaysia terhadap rekod kolonial turut dipengaruhi oleh faktor struktur arkib dan aksesibiliti sumber. Rekod kolonial disusun secara sistematik dalam bahasa Inggeris dan dikatalogkan dalam sistem arkib moden, manakala banyak sumber tempatan seperti manuskrip Melayu, teks undang-undang tradisional, dan tradisi lisan kurang didigitalkan dan sukar diakses (Hooker, 2003). Keadaan ini mewujudkan ketidakseimbangan epistemik di mana sumber kolonial lebih dominan dalam penghasilan ilmu sejarah walaupun ia merupakan produk struktur penjajahan.

Dalam konteks yang lebih luas, dominasi pengetahuan kolonial bukan sahaja mempengaruhi historiografi, tetapi juga naratif institusi warisan dan muzium yang berfungsi sebagai pengeluar makna sejarah dan identiti kolektif. Muzium moden yang berkembang dalam kerangka kolonial cenderung menggunakan dokumentasi kolonial sebagai asas klasifikasi budaya dan interpretasi sejarah, sekali gus berpotensi mereproduksi representasi kolonial terhadap masyarakat tempatan (Bennett, 1995; Hooper-Greenhill, 2000). Oleh itu, analisis terhadap pengetahuan kolonial perlu dilakukan secara kritis bagi menilai sama ada ia benar-benar mencapai status ilmu atau sekadar berfungsi sebagai pseudo-ilmu dalam kerangka epistemologi kolonial.

Artikel ini bertujuan untuk:

1. Menganalisis status epistemologi pengetahuan kolonial tentang masyarakat Melayu di Tanah Melayu.
2. Menilai representasi fizikal dan psikologi masyarakat Melayu dalam wacana kolonial.
3. Menjelaskan faktor kebergantungan historiografi Malaysia terhadap rekod kolonial sebagai sumber autoritatif.
4. Menghuraikan implikasi dominasi pengetahuan kolonial terhadap historiografi dan naratif institusi memori di Malaysia.

ANALISIS LITERATUR DAN JURANG KAJIAN

Pengetahuan Kolonial dan Pembinaan Representasi Masyarakat Melayu

Literatur pascakolonial menunjukkan bahawa pengetahuan kolonial tentang masyarakat bukan Barat sering dihasilkan melalui kerangka diskursif yang berfungsi menyokong hegemoni kolonial. Said (1978) menjelaskan bahawa orientalisme membina gambaran stereotaip terhadap masyarakat Timur sebagai tradisional, emosional, dan kurang rasional berbanding Barat. Dalam konteks Tanah Melayu, kerangka ini diterjemahkan melalui penulisan etnografi dan pentadbiran kolonial yang menggambarkan masyarakat Melayu sebagai statik dan berorientasikan adat semata-mata (Milner, 2008).

Alatas (1977) menunjukkan bahawa banyak konstruk psikologi kolonial terhadap masyarakat tempatan, termasuk stereotaip kemalasan pribumi, bukan berasaskan analisis empirikal yang objektif tetapi merupakan wacana ideologikal yang berkait rapat dengan kepentingan ekonomi kolonial. Representasi ini kemudiannya membentuk asas kepada pemahaman kolonial terhadap sifat fizikal dan mental masyarakat Melayu dalam literatur akademik awal.

Kebergantungan Historiografi Malaysia terhadap Rekod Kolonial

Kajian historiografi Malaysia menunjukkan bahawa rekod kolonial masih menjadi sumber utama dalam kajian sejarah Tanah Melayu kerana sifatnya yang sistematik dan mudah diakses. Pentadbiran British menghasilkan dokumentasi terperinci mengenai aspek politik, sosial, ekonomi, dan budaya yang kemudiannya disimpan dalam arkib rasmi dan diterbitkan secara meluas (Andaya & Andaya, 2017). Keadaan ini menjadikan rekod kolonial sebagai sumber rujukan utama dalam penyelidikan sejarah akademik.

Shamsul (1996) menegaskan bahawa pembinaan ilmu sosial di Malaysia banyak dipengaruhi oleh warisan struktur ilmu kolonial yang telah diinstitusikan dalam sistem pendidikan dan penyelidikan. Oleh itu, penggunaan rekod kolonial secara berterusan bukan sekadar pilihan metodologi, tetapi mencerminkan kesinambungan tradisi epistemologi kolonial dalam penghasilan ilmu moden di Malaysia.

Selain itu, faktor aksesibiliti sumber turut menyumbang kepada dominasi rekod kolonial. Banyak manuskrip Melayu, teks hukum tradisional, dan sumber tempatan tidak disusun secara sistematik dalam sistem arkib moden, berbeza dengan rekod kolonial yang telah dikatalogkan dan diterjemahkan dalam bahasa Inggeris (Hooker, 2003). Ketidakeimbangan ini menyebabkan penyelidik cenderung bergantung kepada rekod kolonial walaupun ia mengandungi bias diskursif yang signifikan.

Autoriti Epistemik Penulisan Barat dan Institusionalisasi Ilmu Kolonial

Autoriti epistemik yang diberikan kepada penulisan Barat dalam tradisi akademik moden turut memperkukuh kedudukan rekod kolonial sebagai sumber sejarah utama. Foucault (1980) menjelaskan bahawa rejim kebenaran terbentuk melalui institusi ilmu yang menentukan sumber mana yang dianggap sah dan autoritatif. Dalam konteks Tanah Melayu, rekod kolonial yang diterbitkan oleh institusi akademik Barat telah memperoleh legitimasi epistemik yang tinggi berbanding sumber tempatan.

Reid (2015) turut menunjukkan bahawa historiografi Asia Tenggara banyak bergantung kepada rekod kolonial kerana kekurangan dokumentasi tempatan yang sistematik dalam bentuk moden. Namun, kebergantungan ini berisiko mengukuhkan naratif kolonial yang menekankan eksotisme budaya dan perbezaan peradaban antara Barat dan Timur.

Implikasi terhadap Naratif Institusi Memori dan Muzium

Dominasi rekod kolonial bukan sahaja mempengaruhi historiografi, tetapi juga institusi memori seperti muzium dan arkib. Bennett (1995) dan Hooper-Greenhill (2000) menjelaskan bahawa muzium moden berkembang dalam kerangka kolonial yang mengklasifikasi masyarakat bukan Barat sebagai objek etnografi dan pengetahuan. Dalam konteks Malaysia, penggunaan rekod kolonial sebagai asas interpretasi sejarah berpotensi mereproduksi representasi kolonial terhadap masyarakat tempatan dalam naratif pameran dan kurasi warisan.

Jurang Kajian

Walaupun terdapat kajian luas mengenai kolonialisme dan historiografi Tanah Melayu, kebanyakan kajian terdahulu menggunakan rekod kolonial secara deskriptif tanpa menilai status epistemologinya secara kritis. Analisis sedia ada lebih menumpukan kepada kandungan sejarah kolonial berbanding sifat pengetahuan kolonial sebagai konstruk diskursif yang terikat dengan struktur kuasa.

Selain itu, kajian yang menghubungkan secara langsung antara epistemologi pengetahuan kolonial, kebergantungan historiografi Malaysia terhadap arkib kolonial, dan implikasinya terhadap naratif institusi memori masih terhad. Oleh itu, wujud keperluan kajian yang menilai pengetahuan kolonial bukan sekadar sebagai sumber sejarah, tetapi sebagai pseudo-ilmu yang memerlukan pembacaan semula melalui pendekatan epistemologi pascakolonial dan dekolonisasi ilmu dalam konteks Tanah Melayu.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini berasaskan pendekatan kualitatif yang menggunakan analisis literatur kritis sebagai kaedah utama untuk menilai status epistemologi pengetahuan kolonial tentang masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Pendekatan ini dipilih kerana fokus kajian bukan tertumpu kepada pengukuran kuantitatif atau rekonstruksi kronologi sejarah semata-mata, tetapi kepada analisis struktur wacana, bentuk representasi, dan kerangka epistemologi yang digunakan dalam penghasilan pengetahuan kolonial, khususnya berkaitan gambaran fizikal, budaya, dan psikologi masyarakat tempatan. Dalam penyelidikan sejarah dan kajian wacana, analisis literatur kualitatif merupakan kaedah yang sesuai untuk meneliti bagaimana sesuatu pengetahuan dibentuk, diinstitusikan, dan diwarisi dalam tradisi akademik serta institusi ilmu (Creswell & Poth, 2018).

Dalam konteks kajian ini, analisis literatur tidak difahami sekadar sebagai pengumpulan sumber sekunder, tetapi sebagai proses sistematik untuk menilai pembinaan wacana kolonial dan kedudukan epistemologinya dalam historiografi moden. Pendekatan ini selaras dengan tradisi kajian pascakolonial yang meneliti teks sejarah sebagai produk diskursif yang terbentuk dalam konteks sosial, politik, dan ideologi tertentu (Said, 1978). Oleh itu, karya sarjana kolonial, penulisan historiografi moden, serta literatur teori pascakolonial dan epistemologi dianalisis secara kritis bagi memahami sifat pengetahuan kolonial sebagai konstruk epistemologi, bukan sekadar rekod deskriptif sejarah.

Dari sudut kerangka metodologi, kajian ini berteraskan analisis epistemologi pascakolonial yang menilai pengetahuan kolonial sebagai wacana yang berkait rapat dengan struktur kuasa penjajahan. Perspektif ini berpandukan hujah bahawa pengetahuan tentang masyarakat yang dijajah tidak dihasilkan dalam ruang neutral, sebaliknya dalam kerangka diskursif yang menyokong keperluan pentadbiran kolonial dan legitimasi politik (Foucault, 1980; Said, 1978). Melalui kerangka ini, teks kolonial dianalisis sebagai dokumen diskursif yang membina gambaran tertentu tentang masyarakat Melayu melalui kategori etnografi, psikologi, dan budaya yang dipengaruhi oleh orientalisme dan evolusionisme sosial Barat. Pendekatan ini juga selari dengan kritikan Syed Hussein Alatas (1977) yang menegaskan bahawa banyak konstruk kolonial tentang masyarakat tempatan merupakan hasil wacana ideologikal dan bukan penyelidikan saintifik yang komprehensif.

Sumber data kajian terdiri daripada tiga kelompok utama yang saling melengkapi. Pertama, karya sarjana dan pentadbir kolonial British seperti laporan etnografi, rekod pentadbiran, dan

penulisan sejarah negeri-negeri Melayu yang berfungsi sebagai sumber primer diskursif dalam memahami bagaimana masyarakat Melayu direpresentasikan dalam wacana kolonial. Kedua, literatur historiografi Malaysia dan Asia Tenggara yang digunakan bagi menilai bagaimana rekod kolonial diinstitusikan sebagai sumber autoritatif dalam penyelidikan sejarah moden (Milner, 2008; Andaya & Andaya, 2017). Ketiga, literatur teori yang merangkumi bidang pascakolonial, epistemologi, dan museologi kritikal yang berperanan sebagai asas konseptual untuk menilai sifat pengetahuan kolonial dan pewarisannya dalam institusi ilmu. Selain itu, kajian museologi turut diambil kira bagi memahami bagaimana pengetahuan kolonial yang terkandung dalam arkib dan dokumentasi sejarah direproduksi dalam naratif institusi memori seperti muzium dan arkib (Bennett, 1995; Hooper-Greenhill, 2000).

Proses analisis data dilaksanakan secara tematik dan interpretatif terhadap kandungan teks kolonial dan literatur berkaitan. Analisis dimulakan dengan mengenal pasti tema utama dalam penulisan kolonial yang berkaitan dengan representasi fizikal, budaya, dan psikologi masyarakat Melayu. Seterusnya, konteks sejarah dan politik penghasilan teks kolonial diteliti bagi memahami hubungan antara penghasilan pengetahuan dan struktur kuasa penjajahan. Analisis kemudian diteruskan melalui perbandingan konseptual antara representasi kolonial dengan kerangka teori epistemologi, pascakolonial, dan perspektif epistemologi Islam. Pendekatan analisis tematik ini membolehkan pengenalan pola diskursif seperti stereotaip psikologi, tipologi etnografi, dan generalisasi budaya dalam wacana kolonial, di samping menilai sejauh mana konstruk tersebut bersifat empirikal atau ideologikal (Creswell & Poth, 2018).

Selain analisis tematik, kajian ini turut menggunakan analisis kontekstual yang mengambil kira latar penjajahan British di Tanah Melayu bagi memastikan tafsiran terhadap teks kolonial tidak dipisahkan daripada kerangka kuasa yang melatarbelakanginya. Pendekatan ini penting kerana rekod kolonial sering dihasilkan dalam konteks pentadbiran kolonial dan bukan semata-mata sebagai kajian ilmiah bebas nilai (Foucault, 1980). Oleh itu, setiap teks dianalisis dengan mempertimbangkan konteks sejarah, tujuan penulisan, dan kedudukan pengarang dalam struktur kolonial.

Pemilihan metodologi kualitatif berasaskan analisis literatur kritis adalah bertepatan dengan sifat kajian yang menumpukan kepada kritik epistemologi dan penilaian wacana ilmu. Kajian tentang pengetahuan kolonial memerlukan penelitian mendalam terhadap struktur ideologi, kategori analitik, dan kerangka tafsir yang tidak dapat diukur secara statistik. Justeru, pendekatan interpretatif lebih sesuai berbanding pendekatan kuantitatif yang menekankan generalisasi empirikal (Creswell & Poth, 2018). Pendekatan ini juga membolehkan penilaian terhadap rekod kolonial sebagai produk struktur kuasa dan bukan sekadar sumber data sejarah yang neutral, sekali gus mengelakkan penerimaan tidak kritis terhadap arkib kolonial sebagai autoriti epistemik dalam kajian sejarah Tanah Melayu (Shamsul, 1996; Reid, 2015).

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai batasan metodologi kerana memberi tumpuan kepada analisis literatur dan wacana teks tanpa melibatkan kajian lapangan atau analisis arkib empirikal secara langsung. Namun, batasan ini tidak menjejaskan kesesuaian metodologi kerana objektif utama kajian adalah untuk menilai status epistemologi pengetahuan kolonial dan bukannya merekonstruksi peristiwa sejarah secara kronologis. Fokus terhadap literatur kolonial, historiografi, dan teori pascakolonial membolehkan pemahaman yang lebih sistematik terhadap struktur penghasilan ilmu dan pewarisan naratif kolonial dalam tradisi akademik Malaysia. Dengan menggunakan pendekatan kritis dan kontekstual, metodologi ini konsisten dengan tujuan kajian untuk menilai pengetahuan kolonial sebagai konstruk epistemologi yang perlu ditapis melalui kerangka pascakolonial dan epistemologi tempatan dalam usaha dekolonisasi historiografi Tanah Melayu.

KERANGKA TEORITIKAL KAJIAN

Kerangka teoritikal kajian ini dibangunkan secara sistematik bagi menilai pengetahuan kolonial tentang masyarakat Melayu di Tanah Melayu sebagai satu konstruk epistemologi yang terbentuk melalui interaksi antara kuasa kolonial, wacana orientalis, struktur arkib, dan proses institusionalisasi ilmu dalam historiografi moden. Dalam konteks ini, pengetahuan kolonial tidak ditafsir sekadar sebagai sumber sejarah, tetapi sebagai wacana diskursif yang membina representasi fizikal dan psikologi masyarakat tempatan serta kemudiannya diinstitusikan sebagai autoriti ilmu dalam tradisi akademik Malaysia. Oleh itu, kerangka teoritikal kajian ini menggabungkan empat komponen utama iaitu epistemologi power/knowledge, orientalisme, pseudo-ilmu kolonial, dan dominasi arkib kolonial dalam historiografi dan institusi memori.

Kerangka Epistemologi Kolonial: Power/Knowledge dan Rejim Kebenaran Sejarah

Konsep power/knowledge oleh Foucault (1980) menjadi asas epistemologi utama dalam memahami penghasilan pengetahuan kolonial tentang Tanah Melayu. Foucault menjelaskan bahawa pengetahuan tidak wujud secara neutral, sebaliknya dihasilkan dalam kerangka kuasa yang menentukan apa yang dianggap sebagai kebenaran dalam sesuatu sistem ilmu. Dalam konteks penjajahan British, penghasilan laporan etnografi, bancian, rekod pentadbiran, dan penulisan sejarah negeri-negeri Melayu merupakan sebahagian daripada mekanisme pentadbiran kolonial yang memerlukan klasifikasi sosial, budaya, dan psikologi masyarakat tempatan bagi tujuan governan.

Dokumentasi kolonial yang sistematik ini kemudiannya membentuk satu rejim kebenaran sejarah yang meletakkan rekod kolonial sebagai sumber autoritatif tentang masyarakat Melayu. Oleh kerana rekod tersebut disusun secara birokratik dan disimpan dalam arkib rasmi, ia memperoleh legitimasi epistemik yang tinggi dalam tradisi akademik moden (Andaya & Andaya, 2017). Keadaan ini menjelaskan mengapa rekod kolonial terus dijadikan rujukan utama dalam kajian sejarah Tanah Melayu walaupun ia dihasilkan dalam kerangka kuasa penjajahan.

Orientalisme dan Konstruk Diskursif Representasi Masyarakat Melayu

Kerangka orientalisme oleh Said (1978) digunakan untuk menganalisis bagaimana pengetahuan kolonial membina representasi fizikal, budaya, dan psikologi masyarakat Melayu melalui stereotaip diskursif. Orientalisme berfungsi sebagai sistem pengetahuan yang mentafsir masyarakat Timur sebagai tradisional, statik, dan kurang rasional, sekali gus mengukuhkan hierarki epistemik antara Barat dan Timur.

Dalam penulisan kolonial mengenai Tanah Melayu, sarjana dan pentadbir seperti R.O. Winstedt, Frank Swettenham, dan Hugh Clifford bukan sahaja merekod aspek politik dan ekonomi, tetapi turut membentuk gambaran etnografi tentang sifat masyarakat Melayu melalui kategori budaya dan psikologi kolonial (Milner, 2008). Representasi ini kemudiannya diinstitusikan dalam historiografi moden dan diterima sebagai deskripsi objektif tentang masyarakat tempatan, walaupun ia dibina dalam kerangka ideologi penjajahan.

Reid (2015) turut menunjukkan bahawa historiografi Asia Tenggara banyak dipengaruhi oleh laporan kolonial yang menekankan perbezaan budaya dan eksotisme masyarakat tempatan, yang akhirnya membentuk persepsi akademik global terhadap Alam Melayu.

Kerangka Pseudo Ilmu Kolonial dan Kritikan Epistemologi

Kajian ini turut berasaskan kerangka kritikan pseudo-ilmu kolonial yang diketengahkan oleh Syed Hussein Alatas (1977), khususnya melalui analisis terhadap mitos pribumi malas. Alatas menegaskan bahawa banyak konstruk psikologi masyarakat tempatan dalam literatur kolonial bukanlah hasil penyelidikan saintifik yang komprehensif, tetapi merupakan wacana ideologikal yang berfungsi menyokong kepentingan ekonomi dan politik kolonial.

Dalam konteks epistemologi, pengetahuan kolonial tentang latar belakang fizikal dan psikologi masyarakat Melayu bersifat selektif dan reduksionis kerana dibina melalui pemerhatian pentadbiran yang terhad dan kemudian digeneralisasikan sebagai ciri kolektif masyarakat. Konstruk psikologi kolonial ini menunjukkan bahawa pengetahuan kolonial tidak memenuhi ciri ilmu objektif yang holistik kerana mengabaikan faktor sejarah, sistem hukum tempatan, tradisi intelektual, dan struktur sosial masyarakat Melayu. Oleh itu, kerangka pseudo-ilmu digunakan dalam kajian ini bagi menilai pengetahuan kolonial sebagai konstruk epistemologi yang ideologikal dan utilitarian, bukan ilmu neutral.

Kerangka Historiografi Kolonial dan Dominasi Arkib sebagai Autoriti Epistemik

Salah satu komponen utama kerangka teoritikal kajian ini ialah integrasi konsep dominasi arkib kolonial dalam historiografi Malaysia. Literatur historiografi menunjukkan bahawa rekod kolonial British masih menjadi sumber utama dalam kajian sejarah Tanah Melayu kerana sifatnya yang sistematik dan komprehensif, termasuk laporan tahunan, bancian, rekod pentadbiran, dan catatan etnografi yang disusun secara birokratik dalam sistem arkib moden (Andaya & Andaya, 2017).

Ketersediaan rekod kolonial dalam bahasa Inggeris serta penerbitannya oleh institusi kolonial telah menyebabkan sumber tersebut diinstitusikan dalam tradisi akademik sebagai rujukan sejarah yang sah dan autoritatif. Shamsul (1996) menjelaskan bahawa pembinaan ilmu sosial dan historiografi di Malaysia pascakemerdekaan masih dipengaruhi oleh struktur ilmu kolonial yang telah sedia wujud sejak era penjajahan. Oleh itu, dominasi rekod kolonial dalam penyelidikan sejarah bukan sekadar pilihan metodologi, tetapi merupakan kesinambungan warisan epistemologi kolonial dalam sistem pendidikan dan penyelidikan.

Selain itu, faktor aksesibiliti sumber turut memperkukuh dominasi arkib kolonial. Banyak sumber tempatan seperti manuskrip Melayu, hikayat, teks undang-undang tradisional, dan dokumen institusi tempatan ditulis dalam tulisan Jawi klasik, disimpan dalam koleksi terhad, dan belum didigitalkan secara sistematik (Hooker, 2003). Sebaliknya, rekod kolonial telah dikatalogkan dan disusun dalam sistem arkib moden, sekali gus memudahkan penggunaannya dalam penyelidikan akademik kontemporari. Ketidakseimbangan ini mewujudkan struktur epistemik di mana sumber kolonial lebih dominan dalam wacana sejarah walaupun ia bukan representasi menyeluruh realiti masyarakat tempatan.

Dari sudut teoritikal, dominasi arkib kolonial ini boleh difahami sebagai proses institusionalisasi ilmu yang menentukan sumber mana yang dianggap sah dalam pembentukan pengetahuan sejarah. Oleh itu, kebergantungan historiografi Malaysia terhadap rekod kolonial mencerminkan struktur kuasa epistemik yang masih berakar dalam tradisi akademik moden.

Kerangka Institusi Memori dan Reproduksi Naratif Kolonial

Kerangka teoritikal kajian ini turut mengintegrasikan perspektif institusi memori bagi menjelaskan bagaimana pengetahuan kolonial diwarisi dan direproduksi dalam ruang akademik dan budaya. Institusi memori seperti arkib, perpustakaan, dan muzium berperanan sebagai

pengeluar makna sejarah melalui proses pemilihan dan interpretasi sumber sejarah (Bennett, 1995).

Muzium moden yang berkembang dalam kerangka kolonial cenderung menggunakan dokumentasi kolonial sebagai asas klasifikasi budaya dan interpretasi sejarah masyarakat tempatan (Hooper-Greenhill, 2000). Dalam konteks ini, dominasi rekod kolonial bukan sahaja mempengaruhi historiografi, tetapi juga pembentukan naratif warisan dan memori kolektif tentang sejarah Tanah Melayu. Penggunaan tidak kritis terhadap rekod kolonial dalam institusi memori berpotensi mereproduksi stereotaip kolonial terhadap masyarakat Melayu dalam bentuk naratif pameran, label artifak, dan interpretasi sejarah institusional.

Sintesis Sistemik Kerangka Teoritikal: Epistemologi Kolonial sebagai Struktur Ilmu Dominan

Secara sistemik, kerangka teoritikal kajian ini disintesiskan dalam tiga lapisan analisis utama. Pertama, lapisan epistemologi yang berasaskan konsep power/knowledge menjelaskan bahawa pengetahuan kolonial merupakan produk struktur kuasa penjajahan. Kedua, lapisan diskursif yang berasaskan orientalisme dan pseudo-ilmu kolonial menerangkan bagaimana representasi fizikal dan psikologi masyarakat Melayu dibina melalui stereotaip ideologikal dalam literatur kolonial. Ketiga, lapisan institusional yang melibatkan dominasi arkib kolonial, historiografi akademik, dan institusi memori yang menginstitusikan pengetahuan kolonial sebagai sumber autoritatif dalam tradisi keilmuan Malaysia.

Sintesis ini menunjukkan bahawa kebergantungan historiografi Malaysia terhadap rekod kolonial bukan sekadar isu metodologi, tetapi merupakan manifestasi struktur epistemologi kolonial yang telah diinstitusikan dalam sistem ilmu moden. Oleh itu, pengetahuan kolonial tentang masyarakat Melayu lebih tepat difahami sebagai konstruk pseudo-ilmu yang terbentuk melalui interaksi antara kuasa kolonial, wacana orientalis, dan institusionalisasi arkib kolonial dalam historiografi dan institusi memori. Kerangka teoritikal yang sistemik ini membolehkan kajian menilai semula kedudukan rekod kolonial secara kritis serta membuka ruang kepada pendekatan dekolonisasi ilmu dan pengiktirafan sumber tempatan sebagai asas epistemologi alternatif dalam kajian sejarah Tanah Melayu.

JADUAL 1: KERANGKA TEORITIKAL KAJIAN: EPISTEMOLOGI PENGETAHUAN KOLONIAL DI TANAH MELAYU

KOMPONEN TERAS	ASAS TEORI & RUJUKAN	FOKUS & ANALISIS	MEKANISME EPISTEMIK	IMPLIKASI TERHADAP HISTORIOGRAFI & INSTITUSI MEMORI
<i>Epistemologi Power/Knowledge</i>	Foucault (1980)	Pengetahuan kolonial sebagai produk struktur kuasa	Penghasilan laporan etnografi, bancian dan rekod pentadbiran untuk tujuan governan kolonial	Rekod kolonial memperoleh legitimasi sebagai “kebenaran sejarah” dalam tradisi akademik

<i>Orientalisme & Wacana Representasi</i>	Said (1978); Milner (2008); Reid (2015)	Representasi fizikal, budaya dan psikologi masyarakat Melayu	Pembinaan stereotaip diskursif (tradisional, statik, eksotik) dalam literatur kolonial	Representasi kolonial diterima sebagai deskripsi objektif dalam historiografi moden
<i>Pseudo-Ilmu Kolonial</i>	Alatas (1977)	Kritik terhadap konstruk psikologi kolonial	Generalisasi daripada pemerhatian pentadbiran terhadap dan tafsiran ideologikal	Stereotaip seperti “pribumi malas” diinstitusikan sebagai kategori analitik sejarah
<i>Dominasi Arkib Kolonial</i>	Andaya & Andaya (2017); Shamsul (1996); Hooker (2003)	Arkib kolonial sebagai autoriti epistemik	Dokumentasi sistematik, bahasa Inggeris, akses arkib moden	Kebergantungan penyelidikan sejarah kepada sumber kolonial berterusan
<i>Institusi Memori (Arkib & Muzium)</i>	Bennett (1995); Hooper-Greenhill (2000)	Reproduksi naratif kolonial dalam institusi warisan	Klasifikasi koleksi dan interpretasi sejarah berasaskan dokumen kolonial	Memori kolektif dan naratif pameran dipengaruhi perspektif kolonial
<i>Sintesis Pascakolonial & Epistemologi Islam</i>	Al-Attas (1993); Alatas (1977)	Tapisan epistemologi dan penilaian selektif sumber kolonial	Verifikasi konteks, bias ideologi dan keselarasan worldview tempatan	Rekod kolonial digunakan secara kritis, bukan ditolak atau diterima secara mutlak

Ringkasan Huraian Analitik

Matriks ini menunjukkan bahawa kerangka teoritikal kajian dibina secara integratif bagi menjelaskan pengetahuan kolonial sebagai konstruk epistemologi yang terbentuk melalui interaksi kuasa, wacana orientalis, struktur arkib, dan institusionalisasi ilmu. Konsep power/knowledge menerangkan bahawa penghasilan dokumentasi kolonial bukan bersifat neutral, tetapi berfungsi dalam kerangka pentadbiran kolonial yang memerlukan klasifikasi sosial dan budaya masyarakat tempatan (Foucault, 1980). Kerangka orientalisme pula menjelaskan bagaimana representasi fizikal dan psikologi masyarakat Melayu dibentuk melalui stereotaip diskursif yang kemudiannya diterima dalam historiografi sebagai gambaran objektif (Said, 1978; Milner, 2008).

Pada masa yang sama, kritikan pseudo-ilmu oleh Alatas (1977) memperlihatkan bahawa banyak konstruk psikologi kolonial bersifat reduksionis dan ideologikal, manakala dominasi arkib kolonial yang sistematik serta mudah diakses telah mengukuhkan kedudukannya sebagai

autoriti epistemik dalam penyelidikan sejarah Malaysia (Andaya & Andaya, 2017; Shamsul, 1996; Hooker, 2003). Pengaruh ini seterusnya direproduksi dalam institusi memori seperti arkib dan muzium yang menggunakan dokumentasi kolonial sebagai asas interpretasi sejarah dan pembentukan memori kolektif (Bennett, 1995; Hooper-Greenhill, 2000).

Secara keseluruhannya, sintesis kerangka teoritikal ini menegaskan bahawa kebergantungan historiografi terhadap rekod kolonial bukan sekadar isu metodologi, tetapi mencerminkan struktur epistemologi kolonial yang telah diinstitusikan dalam sistem ilmu moden. Namun, selaras dengan perspektif pascakolonial Islam, rekod kolonial tidak ditolak secara mutlak, sebaliknya ditapis secara kritis dan selektif melalui verifikasi konteks, bias ideologi, dan perbandingan dengan sumber watan, bagi membina historiografi Tanah Melayu yang lebih adil, kontekstual, dan berteraskan epistemologi tempatan.

DAPATAN DAN ANALISIS KRITIKAL

Pengetahuan Kolonial sebagai Wacana Kuasa tetapi Bukan Sumber yang Perlu Ditolak Secara Mutlak

Berdasarkan pembacaan kontekstual terhadap sumber kolonial, dapat dihuraikan bahawa pengetahuan kolonial tentang masyarakat Melayu di Tanah Melayu perlu difahami dalam konteks sejarah penghasilannya iaitu sebagai sebahagian daripada struktur pentadbiran kolonial yang memerlukan pemetaan sistematik terhadap masyarakat tempatan. Rekod kolonial seperti laporan etnografi, bancian, catatan pentadbiran, dan penulisan sejarah negeri-negeri Melayu dibangunkan secara terancang bagi memahami struktur sosial, budaya, ekonomi dan psikologi penduduk untuk tujuan governan dan kawalan sosial (Andaya & Andaya, 2017). Dalam kerangka epistemologi, keadaan ini selari dengan konsep *power/knowledge* yang menjelaskan bahawa penghasilan pengetahuan tidak terpisah daripada struktur kuasa yang melatari proses tersebut (Foucault, 1980).

Sehubungan itu, pengetahuan kolonial tidak wajar ditafsir sebagai ilmu neutral yang lahir daripada usaha akademik bebas nilai, sebaliknya sebagai wacana diskursif yang berfungsi dalam kerangka pentadbiran dan ideologi penjajahan. Dokumentasi kolonial mengenai masyarakat Melayu sering menekankan klasifikasi etnografi, tipologi budaya, dan konstruk psikologi yang membantu penjajah memahami masyarakat jajahan sebagai objek governan. Pengetahuan ini kemudiannya diinstitusikan dalam arkib rasmi dan sistem pendidikan kolonial, sekali gus memperoleh status autoritatif dalam historiografi moden (Shamsul, 1996).

Dalam perspektif pascakolonial Islam, pendekatan yang lebih seimbang ialah penilaian selektif yang membezakan antara kandungan empirikal yang bernilai dan unsur diskursif yang ideologikal. Dalam tradisi intelektual Islam, konsep ilmu menekankan prinsip *tahqiq* (verifikasi), keadilan epistemik, dan penilaian konteks sebelum sesuatu maklumat diterima sebagai hujah ilmiah. Pendekatan ini menunjukkan bahawa sesuatu sumber sejarah tidak ditolak semata-mata kerana latar ideologinya, tetapi diteliti dari segi niat penulis, konteks penghasilan, dan kesahihan kandungan (Al-Attas, 1993).

Dari sudut metodologi sejarah, rekod kolonial tetap mempunyai nilai sebagai sumber data empirikal, khususnya berkaitan aspek geografi, struktur pentadbiran, jaringan perdagangan, dan demografi masyarakat Tanah Melayu. Reid (2015) menegaskan bahawa laporan kolonial mengandungi maklumat sejarah yang penting, namun perlu dibaca secara kritis kerana ia mencerminkan perspektif kolonial terhadap masyarakat tempatan. Ini bermakna rekod kolonial

boleh digunakan sebagai sumber sejarah, tetapi bukan sebagai representasi mutlak realiti sosial masyarakat Melayu.

Pendekatan selektif ini turut selari dengan kritikan Syed Hussein Alatas (1977) yang menegaskan bahawa karya kolonial tidak harus ditolak sepenuhnya, tetapi perlu dianalisis secara kritis kerana ia mengandungi campuran antara data empirikal dan wacana ideologikal. Dalam banyak kes, laporan kolonial sebenarnya merekodkan maklumat yang berguna tentang struktur ekonomi, sistem politik tempatan, dan organisasi sosial, walaupun tafsirannya sering dipengaruhi oleh kepentingan kolonial. Oleh itu, penilaian epistemologi terhadap pengetahuan kolonial memerlukan pemisahan antara fakta deskriptif dan tafsiran diskursif yang sarat dengan bias ideologi.

Dalam kerangka pascakolonial Islam, pendekatan ini juga berkait dengan gagasan Islamisasi ilmu yang menekankan proses penyaringan epistemologi terhadap ilmu moden. Al-Attas (1993) menjelaskan bahawa dekolonisasi ilmu bukan bermaksud menolak keseluruhan warisan ilmu Barat, tetapi membetulkan kekeliruan epistemologi dengan menilai semula konsep, kategori, dan tafsiran yang tidak selaras dengan *worldview* tempatan dan tradisi intelektual Islam. Oleh itu, rekod kolonial boleh dimanfaatkan sebagai sumber sekunder yang ditapis melalui kerangka epistemologi watan dan nilai keilmuan Islam.

Selain itu, keperluan pembacaan kritis terhadap pengetahuan kolonial juga penting kerana banyak representasi kolonial tentang masyarakat Melayu dibentuk melalui kerangka orientalisme yang menekankan perbezaan budaya dan eksotisme masyarakat Timur (Said, 1978). Gambaran ini sering diterima sebagai deskripsi objektif dalam historiografi moden, walaupun ia dibina dalam konteks ideologi penjajahan. Tanpa tapisan epistemologi, penggunaan rekod kolonial secara langsung berpotensi menormalisasikan stereotaip kolonial dalam penulisan sejarah dan naratif institusi memori.

Dalam konteks historiografi Malaysia, dominasi rekod kolonial juga berpunca daripada sifat arkib kolonial yang sistematik dan mudah diakses berbanding sumber tempatan seperti manuskrip Melayu, teks hukum tradisional, dan tradisi lisan yang bersifat terhad dan kurang dikatalogkan (Hooker, 2003). Keadaan ini menyebabkan penyelidik cenderung menggunakan rekod kolonial sebagai sumber utama, walaupun ia merupakan produk struktur kuasa penjajahan. Justeru, pendekatan pascakolonial Islam yang selektif menuntut agar rekod kolonial dibaca bersama sumber tempatan sebagai *counter-balance* epistemik bagi menghasilkan naratif sejarah yang lebih seimbang.

Secara keseluruhannya, pengetahuan kolonial perlu difahami sebagai wacana kuasa yang mengandungi nilai empirikal dan bias ideologikal secara serentak. Perspektif pascakolonial Islam menawarkan kerangka analisis yang lebih seimbang dengan tidak menolak secara mutlak karya sarjana kolonial, tetapi menapis, menilai, dan mentafsirnya semula dalam konteks epistemologi tempatan dan tradisi keilmuan Islam. Pendekatan ini bukan sahaja lebih konsisten dengan prinsip keadilan epistemik, tetapi juga membolehkan rekod kolonial dimanfaatkan secara kritis sebagai sumber sejarah yang ditapis, bukannya diterima secara total atau ditolak secara mutlak dalam kajian sejarah Tanah Melayu.

Tapisan Epistemologi Islam terhadap Konstruksi Psikologi Kolonial

Penulisan kolonial mengenai masyarakat Melayu di Tanah Melayu sering membentuk konstruksi psikologi kolektif melalui stereotaip budaya yang bersifat generalisasi dan reduksionis. Gambaran seperti kemalasan, pasif, tradisionalisme dan kebergantungan kepada adat diulang dalam literatur etnografi dan pentadbiran kolonial, lalu diinstitusikan sebagai kategori analitik

dalam historiografi moden (Milner, 2008). Konstruk psikologi ini bukan sahaja berfungsi sebagai deskripsi sosial, tetapi turut membentuk kerangka epistemik kolonial yang mentafsir masyarakat Melayu melalui lensa evolusionisme sosial dan orientalisme.

Syed Hussein Alatas (1977) mengkritik stereotaip psikologi tersebut sebagai *mitos kolonial* yang tidak berasaskan analisis saintifik yang menyeluruh, sebaliknya berfungsi menyokong kepentingan ekonomi kolonial, khususnya dalam justifikasi eksploitasi buruh dan struktur ekonomi penjajahan. Label seperti *pribumi malas* mengabaikan konteks sejarah, struktur ekonomi kolonial, serta perbezaan sistem nilai masyarakat tempatan. Dalam kerangka ini, konstruk psikologi kolonial lebih mencerminkan ideologi pentadbiran kolonial berbanding realiti sosiobudaya masyarakat Melayu yang kompleks.

Dari perspektif pascakolonial Islam, kritikan terhadap konstruk psikologi kolonial difahami melalui prinsip tapisan epistemologi yang berteraskan konsep keadilan ('adl), kesahihan sumber, dan kefahaman kontekstual dalam tradisi ilmu Islam. Epistemologi Islam menuntut bahawa pengetahuan tentang manusia tidak dibina melalui generalisasi simplistik, tetapi perlu mengambil kira dimensi akidah, akhlak, adat, dan struktur intelektual masyarakat. Prinsip ini selari dengan tradisi ulama sejarah Islam yang menilai sesuatu riwayat berdasarkan konteks sosial, niat penulis, dan kecenderungan ideologi sebelum diterima sebagai hujah ilmiah.

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993) menegaskan bahawa kekeliruan dalam memahami masyarakat Islam, termasuk masyarakat Melayu, berpunca daripada penggunaan kerangka epistemologi Barat yang tidak memahami worldview Islam sebagai asas pembentukan tamadun. Worldview Islam yang menekankan konsep adab, ilmu, serta keseimbangan antara rohani dan jasmani menjadikan tafsiran psikologi masyarakat tidak boleh dipisahkan daripada sistem nilai agama dan budaya. Tafsiran kolonial yang menilai masyarakat Melayu semata-mata melalui kategori ekonomi atau rasionaliti Barat menghasilkan gambaran psikologi yang tidak menyeluruh dan bersifat reduksionis.

Dalam konteks ini, tapisan epistemologi Islam tidak menolak keseluruhan data kolonial tentang tingkah laku sosial masyarakat Melayu, tetapi menilai semula tafsiran psikologi yang terkandung dalam penulisan kolonial. Data empirikal seperti pola pekerjaan, struktur ekonomi, dan organisasi sosial masih mempunyai nilai sebagai bahan sejarah, namun interpretasi psikologi yang bersifat stereotaip perlu dibaca secara kritis dengan mengambil kira konteks penjajahan dan struktur ekonomi kolonial (Alatas, 1977). Pendekatan ini selari dengan metodologi sejarah kritis yang membezakan antara fakta deskriptif dan tafsiran ideologikal dalam sumber sejarah.

Dari sudut epistemologi Islam, manusia dilihat sebagai makhluk yang dipengaruhi oleh konteks sejarah, sosial, dan moral, bukan entiti statik yang boleh diklasifikasikan secara psikologi kolektif secara mutlak. Oleh itu, generalisasi kolonial terhadap mentaliti Melayu bertentangan dengan prinsip keadilan epistemik dalam tradisi ilmu Islam yang menuntut penilaian yang adil, kontekstual, dan bebas daripada prasangka budaya. Pengetahuan tentang sesuatu masyarakat perlu mengambil kira dimensi agama, adat, dan tradisi intelektual sebagai komponen asas pembentukan identiti sosial.

Kerangka pascakolonial Islam juga melihat konstruk psikologi kolonial sebagai produk diskursif yang terbentuk dalam struktur kuasa penjajahan dan bukan sebagai realiti psikologi objektif masyarakat tempatan. Said (1978) menjelaskan bahawa orientalisme membina gambaran stereotaip terhadap masyarakat Timur melalui kategori budaya dan psikologi yang

memudahkan proses penguasaan kolonial. Dalam konteks Tanah Melayu, konstruk psikologi kolonial berfungsi sebagai alat diskursif yang menjustifikasi dominasi politik dan ekonomi penjajah dengan menggambarkan masyarakat tempatan sebagai memerlukan bimbingan kolonial.

Pendekatan pascakolonial Islam yang selektif menolak penafian total terhadap penulisan kolonial, sebaliknya menuntut analisis semula konstruk psikologi tersebut dengan merujuk kepada sumber tempatan, tradisi intelektual Melayu-Islam, dan konteks sejarah sebenar masyarakat. Hooker (2003) menunjukkan bahawa tradisi hukum dan intelektual Islam di Alam Melayu memperlihatkan tahap organisasi sosial dan intelektual yang tinggi, sekali gus mencabar gambaran simplistik kolonial tentang masyarakat Melayu sebagai statik dan pasif.

Tapisan epistemologi Islam berfungsi sebagai mekanisme kritikal yang menilai konstruk psikologi kolonial melalui dimensi kesahihan konteks sejarah, keseimbangan interpretasi, dan keselarasan dengan worldview masyarakat tempatan. Melalui tapisan ini, stereotaip kolonial tidak diterima sebagai kebenaran ilmiah mutlak, tetapi difahami sebagai wacana ideologikal yang perlu ditafsir secara kontekstual dan adil. Pendekatan ini membolehkan pembinaan semula pemahaman psikologi masyarakat Melayu secara lebih holistik serta selaras dengan tradisi keilmuan Islam dan epistemologi watan dalam kajian sejarah Tanah Melayu.

Kebergantungan Historiografi terhadap Rekod Kolonial: Pendekatan Pascakolonial Islam yang Seimbang

Kebergantungan historiografi Malaysia terhadap rekod kolonial berkait rapat dengan struktur penghasilan dan pengarkiban ilmu yang terbentuk sejak era penjajahan British. Pentadbiran kolonial menghasilkan dokumentasi yang sistematik dan terperinci dalam bentuk laporan tahunan, bancian, rekod pentadbiran, catatan etnografi, serta penulisan sejarah negeri-negeri Melayu yang disusun secara birokratik dalam sistem arkib moden (Andaya & Andaya, 2017). Struktur dokumentasi yang teratur ini mewujudkan kelebihan epistemik kepada rekod kolonial berbanding sumber tempatan yang berbentuk manuskrip, tradisi lisan, dan rekod institusi tradisional yang kurang dikatalogkan secara sistematik.

Hooker (2003) menjelaskan bahawa banyak sumber tempatan seperti manuskrip Melayu, hikayat, teks hukum tradisional, dan dokumen institusi keagamaan ditulis dalam tulisan Jawi klasik, disimpan dalam koleksi terhad dan tidak melalui proses pendigitalan serta pengarkiban moden yang menyeluruh. Keadaan ini menghasilkan ketidakseimbangan akses sumber dalam penyelidikan akademik, di mana rekod kolonial lebih mudah diperoleh, difahami, dan dirujuk berbanding sumber watan. Oleh itu, penggunaan meluas rekod kolonial dalam penulisan sejarah sering berkait dengan kelebihan infrastrukturnya dalam sistem arkib moden, bukan semata-mata kerana kandungannya dianggap paling menyeluruh.

Dalam perkembangan historiografi pascakemerdekaan, penulisan sejarah Malaysia masih banyak beroperasi dalam kerangka epistemologi kolonial yang diwarisi secara institusional. Shamsul (1996) menghuraikan bahawa pembinaan ilmu sosial di Malaysia dipengaruhi oleh struktur ilmu kolonial yang telah diinstitusikan dalam kurikulum universiti, sistem penyelidikan, dan penerbitan akademik. Keadaan ini menyebabkan rekod kolonial terus digunakan sebagai sumber autoritatif dalam penulisan sejarah walaupun konteks penghasilannya berkait rapat dengan ideologi penjajahan dan kepentingan pentadbiran kolonial.

Selain faktor struktur arkib dan institusionalisasi ilmu, autoriti epistemik Barat dalam sistem akademik global turut mengukuhkan dominasi rekod kolonial dalam historiografi Tanah Melayu. Said (1978) menjelaskan bahawa orientalisme berfungsi sebagai sistem pengetahuan yang memberikan legitimasi ilmiah kepada sarjana Barat untuk mentafsir masyarakat Timur, sekali gus meletakkan dokumentasi kolonial sebagai rujukan ilmiah yang dominan. Dalam kerangka ini, rekod kolonial sering diterima sebagai sumber sejarah yang objektif tanpa penilaian kritis terhadap bias diskursif dan ideologikal yang melatarbelakanginya.

Dalam tradisi epistemologi Islam, sesuatu sumber sejarah tidak diterima secara mutlak tanpa proses verifikasi, penilaian konteks, dan penelitian terhadap kecenderungan penulis. Tradisi *'ulūm al-tārikh* menilai sumber berdasarkan sanad, latar sosio-politik, dan kesahihan kandungan sebelum dijadikan hujah ilmiah. Pendekatan ini menunjukkan bahawa penggunaan rekod kolonial dalam historiografi Tanah Melayu boleh diterima dari sudut metodologi sejarah, tetapi perlu dibaca secara kritis dengan mengambil kira konteks kuasa kolonial yang membentuk kandungannya.

Alatas (1977) menegaskan bahawa pengetahuan kolonial lazimnya mengandungi campuran antara data empirikal dan tafsiran ideologikal. Rekod kolonial menyediakan maklumat penting berkaitan geografi, ekonomi, dan struktur pentadbiran tempatan, namun tafsirannya terhadap masyarakat sering dipengaruhi oleh kepentingan ekonomi dan politik kolonial. Oleh itu, pemisahan antara fakta deskriptif yang bernilai dan tafsiran diskursif yang sarat dengan stereotaip menjadi keperluan dalam analisis historiografi.

Pendekatan selektif ini selari dengan gagasan Islamisasi ilmu yang menekankan pembetulan epistemologi terhadap ilmu moden yang dipengaruhi oleh kerangka sekular dan kolonial. Al-Attas (1993) menjelaskan bahawa dekolonisasi ilmu tidak bermaksud menolak keseluruhan warisan ilmu Barat, tetapi menilai semula konsep, kategori, dan tafsiran yang tidak selaras dengan konteks budaya dan tradisi intelektual masyarakat Islam. Dalam konteks historiografi Tanah Melayu, rekod kolonial perlu dibaca secara kritis dan dilengkapi dengan sumber tempatan seperti manuskrip Melayu, teks hukum, tradisi intelektual Islam, dan rekod institusi tempatan sebagai sumber epistemologi alternatif.

Reid (2015) menunjukkan bahawa laporan kolonial di Asia Tenggara sering menekankan perbezaan budaya dan eksotisme masyarakat tempatan sebagai sebahagian daripada naratif dominasi kolonial. Penggunaan rekod kolonial secara tidak kritis berpotensi mengaburkan kewujudan tradisi intelektual tempatan, sistem hukum Islam, dan jaringan peradaban Melayu yang telah berkembang sebelum dan semasa era penjajahan. Oleh itu, rekod kolonial wajar dibaca dalam kerangka perbandingan sumber dengan menilai kesesuaiannya bersama bukti tempatan dan tradisi sejarah watan.

Dalam konteks institusi memori dan historiografi moden, kedudukan rekod kolonial sebagai arkib rasmi yang diiktiraf dalam sistem akademik dan penyelidikan turut memperkukuh penggunaannya sebagai rujukan utama. Sumber kolonial sering dianggap lebih sistematik dan ilmiah, manakala sumber tempatan kurang diberikan kedudukan epistemik yang setara kerana keterbatasan katalog, akses, dan pengarkiban moden (Shamsul, 1996). Keadaan ini mencerminkan kesinambungan struktur epistemologi kolonial dalam penghasilan ilmu sejarah di Malaysia pascakemerdekaan.

Secara konseptual, rekod kolonial boleh dimanfaatkan sebagai data empirikal sejarah melalui pembacaan kontekstual, perbandingan sumber, dan tapisan epistemologi. Pendekatan

pascakolonial Islam yang seimbang menempatkan rekod kolonial sebagai salah satu sumber sejarah yang perlu ditapis dan ditafsir bersama sumber tempatan, sekali gus membolehkan pembinaan historiografi Tanah Melayu yang lebih kontekstual, adil, dan selaras dengan epistemologi watan serta tradisi keilmuan Islam.

Autoriti Epistemik Barat dan Keperluan Dekolonisasi Ilmu secara Seimbang

Penerimaan meluas terhadap rekod kolonial sebagai sumber autoritatif dalam historiografi Tanah Melayu berkait rapat dengan pembentukan autoriti epistemik Barat dalam sistem akademik moden, khususnya melalui institusionalisasi disiplin sejarah, antropologi, dan orientalisme. Sejak abad ke-19, penghasilan ilmu tentang masyarakat Timur, termasuk Tanah Melayu, didominasi oleh sarjana kolonial yang menulis dalam bahasa Eropah, diterbitkan oleh institusi kolonial, dan diiktiraf dalam jaringan akademik antarabangsa. Keadaan ini mewujudkan hierarki epistemik di mana pengetahuan Barat dianggap lebih sah dan saintifik berbanding tradisi intelektual tempatan. Said (1978) menjelaskan bahawa orientalisme berfungsi sebagai sistem pengetahuan yang memberikan legitimasi ilmiah kepada sarjana Barat untuk mentafsir masyarakat Timur, sekali gus menjadikan wacana kolonial sebagai rujukan dominan dalam penghasilan ilmu moden.

Dalam konteks akademik kontemporari, autoriti epistemik Barat tidak hanya beroperasi pada tahap kandungan ilmu, tetapi turut terbentuk melalui struktur metodologi, standard penerbitan, bahasa akademik, dan sistem rujukan yang berakar daripada tradisi intelektual Eropah. Penulisan sejarah yang berasaskan sumber arkib bertulis, dokumentasi rasmi, dan pendekatan positivistik sering dianggap lebih ilmiah, sedangkan sumber tempatan seperti manuskrip Melayu, teks hukum tradisional, dan tradisi lisan kurang diberikan pengiktirafan epistemik yang setara. Milner (2008) menunjukkan bahawa banyak tafsiran moden tentang masyarakat Melayu terbentuk melalui kerangka analitik Barat yang kemudiannya diterima sebagai paradigma akademik arus perdana.

Keperluan dekolonisasi ilmu dalam konteks ini tidak harus difahami sebagai penolakan total terhadap tradisi keilmuan Barat, tetapi sebagai proses pembetulan epistemologi yang bersifat selektif. Perspektif pascakolonial Islam menekankan penilaian kandungan ilmu berdasarkan keselarasan dengan kebenaran, konteks sejarah, dan worldview tempatan. Al-Attas (1993) menjelaskan bahawa dekolonisasi ilmu bukan bermaksud menolak semua pengetahuan Barat, tetapi membetulkan kekeliruan konsep, kategori, dan tafsiran yang lahir daripada kerangka sekular dan orientalis yang tidak memahami realiti masyarakat Islam. Pendekatan ini bersifat integratif kerana membezakan antara metodologi ilmiah yang bersifat universal dengan tafsiran ideologikal yang terikat dengan konteks kolonial.

Dalam tradisi epistemologi Islam, autoriti ilmu tidak ditentukan oleh asal-usul geografi penulis semata-mata, tetapi oleh kesahihan hujah, ketepatan metodologi, dan keadilan dalam interpretasi. Prinsip ini membolehkan karya sarjana Barat, termasuk rekod kolonial, dimanfaatkan sebagai sumber ilmu selagi ia diteliti secara kritis dan tidak diterima secara mutlak. Tradisi intelektual Islam klasik juga menunjukkan bahawa ilmu daripada pelbagai tamadun boleh diterima melalui proses tapisan epistemologi yang berteraskan tauhid, adab, dan kebenaran ilmiah (Al-Attas, 1993).

Dari sudut historiografi, pendekatan dekolonisasi ilmu secara seimbang menuntut penstrukturan semula kedudukan sumber kolonial dalam hierarki epistemik kajian sejarah.

Rekod kolonial mempunyai nilai sebagai data empirikal, khususnya dalam aspek geografi, statistik pentadbiran, jaringan ekonomi, dan struktur institusi kolonial, namun tafsirannya terhadap masyarakat tempatan perlu disemak melalui perbandingan dengan sumber watan. Reid (2015) menunjukkan bahawa laporan kolonial di Asia Tenggara mengandungi maklumat faktual yang penting, tetapi kerangka tafsirannya sering mencerminkan perspektif kolonial yang menekankan perbezaan budaya dan eksotisme masyarakat tempatan.

Usaha dekolonisasi ilmu secara seimbang juga berkait dengan pembinaan semula keseimbangan epistemologi antara sumber Barat dan sumber tempatan dalam penghasilan ilmu sejarah. Andaya dan Andaya (2017) menegaskan bahawa sejarah Malaysia tidak dapat difahami secara menyeluruh tanpa mengambil kira tradisi intelektual tempatan, jaringan perdagangan serantau, dan sistem sosial yang telah wujud sebelum dan semasa era penjajahan. Oleh itu, dominasi autoriti epistemik Barat perlu ditangani melalui pendekatan komplementari yang menggabungkan analisis sumber kolonial dengan manuskrip tempatan, teks hukum, dan tradisi sejarah Melayu-Islam sebagai sumber epistemologi alternatif.

Dalam kerangka pascakolonial Islam, dekolonisasi ilmu merujuk kepada proses pengembalian kerangka tafsir kepada worldview yang lebih kontekstual dan berakar pada epistemologi watan. Tafsiran kolonial sering menggunakan kategori konseptual Barat yang tidak sepenuhnya selaras dengan struktur nilai masyarakat Melayu-Islam, seperti pemisahan tegas antara agama, budaya, dan politik yang tidak mencerminkan realiti sejarah tempatan. Penstrukturan semula kerangka tafsir ini membolehkan ilmu sejarah dibangunkan dalam bentuk yang lebih kontekstual tanpa menafikan sumbangan data empirikal daripada sumber Barat.

Autoriti epistemik Barat dalam sistem akademik moden terus mempengaruhi kedudukan rekod kolonial sebagai sumber ilmiah dominan dalam kajian Tanah Melayu. Pendekatan pascakolonial Islam yang seimbang menempatkan rekod kolonial sebagai sumber sejarah yang bernilai tetapi perlu ditapis, dikontekstualkan, dan ditafsir secara kritis dalam kerangka epistemologi yang lebih adil dan kontekstual. Pendekatan ini membolehkan integrasi antara tradisi ilmiah global dan epistemologi tempatan dalam pembinaan ilmu sejarah yang lebih bersepadu dan tidak terikat secara mutlak kepada tafsiran kolonial.

Reinterpretasi Pengetahuan Kolonial dalam Institusi Memori dan Muzium

Dominasi rekod kolonial dalam historiografi turut memberi implikasi langsung terhadap pembentukan naratif dalam institusi memori seperti arkib, muzium, dan galeri warisan. Sejak era kolonial, muzium dan arkib di Tanah Melayu berkembang dalam kerangka epistemologi Barat yang menekankan dokumentasi bertulis, klasifikasi saintifik, dan interpretasi sejarah berasaskan sumber kolonial sebagai rujukan utama (Bennett, 1995). Struktur ini meletakkan rekod kolonial sebagai asas interpretasi sejarah, sekali gus membentuk memori kolektif masyarakat melalui naratif yang disaring oleh perspektif kolonial.

Hooper-Greenhill (2000) menjelaskan bahawa muzium moden bukan sekadar institusi penyimpanan artifak, tetapi institusi epistemik yang berperanan membina makna sejarah melalui proses pemilihan, klasifikasi, dan interpretasi koleksi. Dalam konteks ini, penggunaan dokumentasi kolonial sebagai sumber interpretatif telah mempengaruhi cara sejarah masyarakat tempatan dipersembahkan kepada khalayak, khususnya melalui label artifak, panel interpretasi, dan naratif pameran. Hal ini mencerminkan kesinambungan autoriti epistemik kolonial dalam institusi memori walaupun dalam konteks pascakolonial.

Dominasi rekod kolonial dalam institusi memori juga berkait dengan sifat dokumentasi kolonial yang sistematik, mudah diakses, dan telah diinstitusikan dalam sistem arkib moden. Andaya dan Andaya (2017) menjelaskan bahawa banyak maklumat sejarah awal mengenai negeri-negeri Melayu direkodkan oleh pegawai kolonial dalam bentuk laporan rasmi dan catatan pentadbiran yang kemudiannya dijadikan rujukan utama dalam pembinaan naratif sejarah institusi. Keadaan ini menyebabkan muzium dan arkib cenderung menggunakan rekod kolonial sebagai sumber interpretasi, khususnya apabila dokumentasi tempatan kurang dikatalogkan secara sistematik.

Dari sudut epistemologi muzium, Bennett (1995) menunjukkan bahawa muzium kolonial berfungsi sebagai alat pedagogi negara yang membentuk kefahaman masyarakat terhadap sejarah dan identiti melalui representasi terpilih. Dalam konteks Tanah Melayu, naratif muzium yang berasaskan dokumentasi kolonial berpotensi mengukuhkan gambaran stereotaip terhadap masyarakat tempatan sekiranya interpretasi dilakukan tanpa analisis kritis dan kontekstual. Hal ini selari dengan hujah Said (1978) bahawa representasi tentang masyarakat Timur dalam institusi ilmu sering dibentuk melalui kerangka orientalisme yang menstrukturkan pengetahuan berdasarkan hierarki budaya dan kuasa.

Dalam kerangka pascakolonial Islam yang selektif, penggunaan sumber kolonial dalam institusi warisan tidak ditolak secara intrinsik, tetapi dinilai melalui prinsip tapisan epistemologi dan keadilan interpretatif. Pendekatan ini selari dengan gagasan Islamisasi ilmu yang menekankan pembetulan tafsiran yang tidak selaras dengan *worldview* tempatan tanpa menolak sepenuhnya data empirikal yang berguna (Al-Attas, 1993). Oleh itu, rekod kolonial boleh dimanfaatkan sebagai sumber sekunder dalam muzium dan arkib, khususnya bagi data geografi, struktur pentadbiran, dan kronologi sejarah, dengan syarat tafsirannya dilengkapi dan diseimbangkan dengan sumber tempatan serta tradisi intelektual Melayu-Islam.

Selain itu, reinterpretasi kritis dalam institusi memori memerlukan integrasi pelbagai jenis sumber sejarah seperti manuskrip Melayu, teks hukum tradisional, hikayat, epigrafi, dan tradisi lisan yang mencerminkan perspektif masyarakat tempatan. Hooker (2003) menunjukkan bahawa tradisi intelektual Islam di Alam Melayu memiliki sistem hukum, institusi keilmuan, dan jaringan budaya yang kompleks yang sering kurang diberi penekanan dalam naratif kolonial. Penggabungan sumber kolonial dan sumber watan membolehkan pembinaan naratif sejarah yang lebih holistik dan kontekstual.

Pendekatan ini juga selari dengan konsep *maqāṣid al-‘ilm* dalam epistemologi Islam yang menekankan kebenaran, keadilan, dan keseimbangan dalam penyampaian ilmu sejarah. Penyampaian naratif sejarah dalam muzium bukan sekadar memaparkan fakta, tetapi membentuk kefahaman masyarakat tentang identiti, peradaban, dan warisan intelektual. Oleh itu, interpretasi yang seimbang memerlukan proses verifikasi, perbandingan sumber, dan kesedaran terhadap bias diskursif yang terkandung dalam rekod kolonial.

Dalam konteks muzium pascakolonial, penstruktur semula kerangka interpretasi membolehkan rekod kolonial dipaparkan bersama sumber tempatan sebagai bahan perbandingan yang memperlihatkan kepelbagaian tafsiran sejarah. Hooper-Greenhill (2000) menegaskan bahawa muzium kontemporari berperanan sebagai ruang dialog epistemik yang membolehkan pelbagai perspektif sejarah dipersembahkan secara kritis. Dengan pendekatan ini, rekod kolonial ditapis, dikontekstualkan, dan ditafsir bersama sumber tempatan bagi menghasilkan naratif sejarah yang lebih adil, kontekstual, dan berteraskan epistemologi watan dalam institusi memori Tanah Melayu.

KESIMPULAN

Kajian ini merumuskan bahawa pengetahuan kolonial mengenai masyarakat Melayu di Tanah Melayu terbentuk dalam kerangka sejarah penjajahan yang menggabungkan fungsi pentadbiran, klasifikasi etnografi, dan pembinaan wacana ilmiah tentang masyarakat tempatan. Pengetahuan tersebut tidak lahir dalam ruang epistemik yang neutral, tetapi dalam struktur kuasa kolonial yang memerlukan pemahaman sistematik terhadap masyarakat jajahan bagi tujuan governan dan kawalan sosial (Andaya & Andaya, 2017; Foucault, 1980). Oleh itu, status epistemologi rekod kolonial perlu difahami sebagai sumber sejarah yang bersifat kontekstual dan diskursif, bukan representasi objektif yang bebas daripada bias ideologikal.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa dominasi rekod kolonial dalam historiografi Malaysia berkait rapat dengan sifat dokumentasi kolonial yang sistematik, kemudahan akses arkib moden, serta institusionalisasi ilmu kolonial dalam sistem akademik pascakemerdekaan. Struktur ini telah meletakkan sumber kolonial sebagai rujukan autoritatif dalam kajian sejarah Tanah Melayu, walaupun sumber tempatan seperti manuskrip Melayu, teks hukum tradisional, dan tradisi intelektual Islam mempunyai nilai epistemologi yang signifikan tetapi kurang diberi kedudukan setara dalam wacana akademik (Hooker, 2003; Shamsul, 1996).

Selain itu, analisis terhadap konstruk psikologi kolonial memperlihatkan bahawa stereotaip tentang masyarakat Melayu sering dibentuk melalui generalisasi budaya yang bersifat reduksionis dan ideologikal. Kritikan sarjana tempatan menunjukkan bahawa label psikologi kolonial tidak mencerminkan realiti sosio-historis masyarakat tempatan secara menyeluruh, sebaliknya berkait dengan kepentingan ekonomi dan politik kolonial (Alatas, 1977). Konstruk ini kemudiannya mempengaruhi historiografi moden apabila diterima sebagai kategori analitik tanpa penilaian kritis terhadap konteks penghasilannya.

Walau bagaimanapun, penilaian epistemologi terhadap pengetahuan kolonial tidak menuntut penolakan mutlak terhadap keseluruhan karya sarjana kolonial. Pendekatan pascakolonial Islam menekankan prinsip tapisan epistemologi yang berasaskan verifikasi sumber (*tahqiq*), keadilan epistemik ('adl), dan kefahaman kontekstual terhadap latar sejarah sesuatu teks. Selaras dengan pandangan Al-Attas (1993), dekolonisasi ilmu tidak bermaksud menolak semua pengetahuan Barat, tetapi membetulkan kekeliruan epistemologi dengan menilai semula tafsiran yang lahir daripada kerangka orientalisme dan sekularisme yang tidak sepenuhnya selaras dengan worldview masyarakat Melayu-Islam.

Dalam konteks ini, rekod kolonial masih mempunyai nilai sebagai data empirikal sejarah, khususnya berkaitan geografi, struktur pentadbiran, demografi, dan jaringan ekonomi, selagi ia ditafsir secara kritis dan tidak diterima sebagai kebenaran mutlak tentang masyarakat tempatan. Reid (2015) menunjukkan bahawa laporan kolonial di Asia Tenggara mengandungi maklumat sejarah yang penting, namun tafsirannya sering mencerminkan perspektif kolonial yang menekankan perbezaan budaya dan eksotisme masyarakat Timur. Oleh itu, penggunaan rekod kolonial memerlukan pendekatan perbandingan sumber yang menggabungkan bukti tempatan sebagaiimbangan epistemik.

Kajian ini turut memperlihatkan bahawa dominasi pengetahuan kolonial telah mempengaruhi institusi memori seperti arkib dan muzium yang menggunakan dokumentasi kolonial sebagai asas interpretasi sejarah. Muzium moden yang berkembang dalam kerangka kolonial cenderung membina naratif sejarah melalui klasifikasi dan dokumentasi kolonial, sekali gus membentuk memori kolektif masyarakat berdasarkan kerangka interpretasi tersebut (Bennett, 1995; Hooper-Greenhill, 2000). Tanpa tapisan epistemologi, naratif institusi memori berpotensi mereproduksi representasi kolonial dalam penyampaian sejarah kepada masyarakat umum.

Dari sudut teoritikal, kajian ini menegaskan keperluan dekolonisasi ilmu sejarah Tanah Melayu secara seimbang dan selektif, bukan bersifat penolakan total terhadap tradisi keilmuan Barat. Pendekatan ini selari dengan kerangka pascakolonial Islam yang mengiktiraf kepelbagaian sumber ilmu, tetapi menapis tafsirannya berdasarkan kesahihan konteks, keadilan interpretatif, dan keselarasan dengan epistemologi watan. Prinsip ini juga selaras dengan tradisi *ulum al-tarikh* dalam peradaban Islam yang menilai sesuatu sumber sejarah melalui penelitian sanad, konteks penulisan, dan kecenderungan pengarang sebelum diterima sebagai hujah ilmiah.

Secara keseluruhannya, pengetahuan kolonial tentang masyarakat Melayu lebih tepat difahami sebagai konstruk epistemik yang mengandungi nilai empirikal terhad tetapi sarat dengan kerangka diskursif kolonial. Oleh itu, penggunaannya dalam kajian sejarah perlu berlandaskan pendekatan kritis, kontekstual, dan bersepadu dengan sumber tempatan serta tradisi intelektual Melayu-Islam. Pendekatan ini berpotensi membina historiografi Tanah Melayu yang lebih adil, seimbang, dan reflektif, serta mengurangkan dominasi autoriti epistemik kolonial dalam penghasilan ilmu sejarah kontemporari.

RUJUKAN

- Ahmad Farid Abd Jalal, Azman Yusof, Muhammad Fakhrudin Ishak, & Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2025). Negeri Pahang tanpa sejarah: Analisis rekonstruksi terhadap pandangan kolonial. *Islamic Journal of Cultural Studies (IJCS)*, 1(1), 17–33.
- Ahmad Farid Abd Jalal, Awang Azman Awang Pawi, & Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2020). Konsep muzium baru: Analisis kritikal pemikiran kolonial terhadap bangsa Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 3(1), 122–147.
- Ahmad Farid Abd Jalal, Ibrahim Majdi Mohamad Kamil, & Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2026). Simbiosis ilmu kolonial dan institusi muzium: Analisis pascakolonial terhadap representasi kuasa dan dekolonisasi. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 14(1), 96–103.
- Ahmad Farid Abd Jalal, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Ahnaf Wafi Alias, & Siti Maimunah Kahal. (2022). Artifak muzium sebagai cermin kepada world-view Melayu: Kajian di Muzium Abu Bakar Pekan Pahang. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 35(2), 89–106.
- Ahmad Farid Abd Jalal, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohamad Hilmi Mad Said, & Awang Azman Awang Pawi. (2022). Impak falsafah pasca-kolonialisme terhadap muzium: Satu analisis kritikal. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 7(2), 1–9.
- Ahmad Farid Abd Jalal, Rahimin Affandi Abdul Rahim, & Muhammad Jumaidy Abdul Manap. (2022). Perkembangan institusi memori (LAM) pada era British di Tanah Melayu. *Sejarah: Journal of the Department of History, University of Malaya*, 31(1), 34–64.
- Alatas, S. H. (1977). *The myth of the lazy native: A study of the image of the Malays, Filipinos and Javanese from the 16th to the 20th century and its function in the ideology of colonial capitalism*. Frank Cass.
- Al-Attas, S. M. N. (1978). *Islam and the philosophy of science*. ISTAC.
- Al-Attas, S. M. N. (1993). *Islam and secularism*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Andaya, B. W., & Andaya, L. Y. (2017). *A history of Malaysia* (3rd ed.). Palgrave Macmillan.
- Bennett, T. (1995). *The birth of the museum: History, theory, politics*. Routledge.
- Chakrabarty, D. (2000). *Provincializing Europe: Postcolonial thought and historical difference*. Princeton University Press.
- Dirlik, A. (1997). *The postcolonial aura: Third world criticism in the age of global capitalism*. Westview Press.

- Foucault, M. (1980). *Power/knowledge: Selected interviews and other writings 1972–1977*. Pantheon Books.
- Gullick, J. M. (1992). *Rulers and residents: Influence and power in the Malay States 1870–1920*. Oxford University Press.
- Hashim, R. (2014). Educational dualism in Malaysia: Implications for theory and practice. *Oxford Review of Education*, 40(4), 1–16.
- Hooker, M. B. (2003). *Islam in Southeast Asia*. Brill.
- Hooper-Greenhill, E. (2000). *Museums and the interpretation of visual culture*. Routledge.
- Macdonald, S. (2006). *A companion to museum studies*. Blackwell Publishing.
- Mignolo, W. D. (2011). *The darker side of western modernity: Global futures, decolonial options*. Duke University Press.
- Milner, A. (2008). *The Malays*. Wiley-Blackwell.
- Milner, A. C. (2016). *Kerajaan: Malay political culture on the eve of colonial rule* (2nd ed.). University of Arizona Press.
- Nasr, S. H. (1993). *An introduction to Islamic cosmological doctrines*. SUNY Press.
- Reid, A. (2015). *A history of Southeast Asia: Critical crossroads*. Wiley-Blackwell.
- Roff, W. R. (1967). *The origins of Malay nationalism*. Yale University Press.
- Said, E. W. (1978). *Orientalism*. Pantheon Books.
- Shamsul, A. B. (1996). Identity construction, nation formation, and Islamic revivalism in Malaysia. *Intellectual Discourse*, 4(1), 1–28.
- Smith, L. (2006). *Uses of heritage*. Routledge